

KEUPAYAAN MENGGUNAKAN KOMSAS SEBAGAI KOMPETENSI PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU

(Efficacy to Use Literature Element (KOMSAS) as the Teaching Competence for
Malay Language Teachers)

ROZANI AHMAD

Universiti Malaysia Sabah

dt1321022t@student.ums.edu.my

Dihantar pada:

21Julai 2017

Diterima pada:

15 Oktober 2017

Koresponden:

dt1321022t@student.ums.edu.my

Abstrak: Kajian mengenai keupayaan guru menggunakan KOMSAS iaitu penguasaan kemahiran guru menggunakan bahan sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu. Implikasi kajian terhadap dasar pendidikan memberi penekanan terhadap keperluan guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Selain, memberi implikasi terhadap perubahan corak pengajaran guru yang berkesan, berpusat pelajar, menarik dan menekankan kemahiran berfikir. Kajian menggunakan teknik rawak bertujuan dan rawak mudah bagi mengumpul data guru Bahasa Melayu sekolah menengah seluruh Sabah. Jumlah sampel kajian adalah seramai 337 responden berdasarkan Jadual Persampelan *Krejcie & Morgan*. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan ke atas 130 orang responden, nilai *Cronbach Alpha* bagi kesahan instrumen yang diperolehi bagi setiap pemboleh ubah adalah masing-masing, .965 dan .951. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 21.0. Keputusan kajian menunjukkan tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS serta tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu adalah tinggi. Malah terdapat hubungan yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Keputusan kajian juga menunjukkan keupayaan menggunakan KOMSAS memberi pengaruh terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Kata kunci: Keupayaan, KOMSAS, kompetensi pengajaran, guru Bahasa Melayu

Abstract: The purpose of study is to identify the efficacy to apply literature element (KOMSAS) which is the mastery of teacher skills using literature in teaching Malay Language. The implication of the study on education policy emphasizes the need for teachers in teaching Malay Language. In addition, it implies the change of teacher's effective teaching pattern, student-centered, interesting and emphasized thinking skills. The study uses random and purposeful random techniques for collect data to secondary school Malay Language teachers in Sabah. The total sample of the study was 337 respondents based on *Krejcie & Morgan* sampling schedule. This study uses questionnaire as a research instrument. Based on pilot study conducted on 130 respondents, the value of *Cronbach alpha* for the validity of the instruments obtained for each variable is respectively .965 and .951. Data were analyzed using SPSS version 21.0. The results of the study show that the level of teacher's efficacy to use literature element (KOMSAS) as well as the level of teaching competence of Malay Language teachers is at high level. In fact, there is a significant relationship between the efficacy to use literature element (KOMSAS) with teaching competence for Malay Language teachers. The results of the study also show that the efficacy to use literature element (KOMSAS) affects the teaching competence of Malay Language teachers.

Keywords: Efficacy, literature element (KOMSAS), teaching competency, Malay Language teacher

PENGENALAN

Kandungan Bab 5, Guru dan Pemimpin Sekolah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menggariskan bahawa kualiti guru merupakan penentu di peringkat sekolah yang paling penting bagi keberhasilan murid (KPM, 2013). KPM (2013) dalam pelan tindakan pihak kementerian untuk mentransformasikan profesion keguruan menyediakan satu instrumen yang menyatakan dengan jelas kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru. Kompetensi guru tersebut merentas empat dimensi, yang salah satunya ialah dimensi pembelajaran dan pemudah cara (PdPc).

Dalam instrumen penilaian guru yang baharu itu mencadangkan agar hampir 60 peratus (%) daripada skor penilaian adalah berdasarkan keberkesanan pengajaran guru. Keberkesanan pengajaran merujuk kepada pengajaran berkualiti, iaitu guru yang mampu merancang dan menyampaikan kandungan pelajaran, disamping dapat mentaksirkan pengajarannya secara berterusan. Malah, berupaya mengurus bilik darjah supaya bukan sahaja dapat melahirkan pelajar cemerlang mata pelajaran, tetapi juga cemerlang sahsiah.

Justeru, pengajaran berkualiti guru Bahasa Melayu berkait rapat dengan keupayaan guru menggunakan bahan pengajaran yang sesuai. Misalnya, keupayaan menggunakan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu akan lebih memudahkan guru merancang, melaksana dan mentaksirkan pengajaran dengan lebih efektif. Pengajaran yang dirancang, dilaksanakan dan ditaksir secara efektif membolehkan guru lebih menggalakkan pembelajaran aktif, pemikiran kreatif dan motivasi murid. Oleh yang demikian, guru secara langsung dilihat dapat meningkatkan kompetensi kemahiran pembelajaran dan pemudah cara. Kompetensi kemahiran pembelajaran ini yang disebut sebagai kompetensi pengajaran dalam kajian ini. Dalam hal ini, Agustin (2012) menyatakan bahawa inisiatif guru menggunakan KOMSAS dalam pengajaran adalah kunci kepada pembangunan kompetensi pengajaran guru untuk mengajar kemahiran bahasa dan berbahasa murid.

PERNYATAAN MASALAH

Kompetensi pengajaran guru dilihat amat penting kepada peningkatan pencapaian Bahasa Melayu

murid. Walau bagaimanapun, didapati masih belum ramai guru Bahasa Melayu yang berkemampuan dalam pengajaran. Hal ini dibuktikan oleh kajian Hassan Baseri (2012), bahawa masih ramai guru yang gagal menilai pelaksanaan rancangan pengajaran dan keberkesanan pengajarannya. Begitu juga kajian oleh Zamri dan Magdeline (2012), menunjukkan bahawa pengajaran penulisan didapati agak statik dan tidak menyeronokkan.

Masalah kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu ini dikaitkan dengan isu penilaian Standard Guru Malaysia dalam standard tiga tentang kemahiran mengajar guru. Isu penilaian Standard Guru Malaysia ini, mengambil kira masalah pengajaran guru Bahasa Melayu yang telah dikenal pasti iaitu dari aspek strategi pengajaran berkaitan penglibatan aktif murid, keperluan penerapan kemahiran berfikir dan pengurusan bilik darjah. Masalah pengajaran tersebut ada hubungan dengan ketidakupayaan guru menggunakan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Perkara ini ada kaitan dengan kajian oleh Abdul Rasid, Shamsuddin dan Norliza (2012), bahawa KOMSAS dapat memberi impak kepada percambahan idea dan memotivasikan pelajar dalam penulisan karangan sehingga guru disarankan untuk mempelbagaikan bahan pengajaran seperti KOMSAS bagi menarik minat dan menjana idea kreatif pelajar. Strategi pengajaran adalah penting dalam sesuatu perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran pengajaran di bilik darjah. Justeru, wajar kajian melihat keupayaan guru menggunakan KOMSAS tersebut sebagai bahan pengajaran. Hal ini kerana, kajian oleh Muliana Tanah (2011) menunjukkan bahawa guru lebih cenderung memilih pendekatan pengajaran berpusatkan guru. Kajian Rozita Radhiah dan Abdul Rasid (2012), juga mendapati bahawa guru cemerlang Bahasa Melayu masih kekal dengan amalan pengajaran tradisional. Amalan pengajaran ini lebih berpusatkan guru dengan cara syarahan dan hanya menyampaikan ilmu semata-mata.

Malah, kajian Abdul Rashid (2010), menunjukkan hanya 30% sahaja guru yang mampu mempelbagaikan pola interaksi seperti interaksi guru dengan individu pelajar, guru dengan kumpulan pelajar dan murid dengan murid. Dapatan kajian Abdul Rashid (2016), juga

menunjukkan bahawa pengajaran guru Bahasa Melayu masih agak membosankan dan tidak menyeronokkan murid. Selain itu, Sharifah Nor (2012), turut menjelaskan bahawa cabaran paling besar dalam menangani masalah berkenaan keberkesanan pengajaran Bahasa Melayu adalah untuk memastikan semua guru menggunakan amalan yang mampu merangsang kemahiran berfikir secara berkesan dalam pengajaran seharian. Malah, kajian Tengku Fairus (2015) juga menunjukkan bahawa PdPc di bilik darjah masih di aras rendah iaitu kurang dan tidak menyokong penguasaan kemahiran berfikir murid.

Isu penilaian Standard Guru Malaysia dengan masalah yang dikenal pasti terhadap kemahiran merancang, melaksana dan mentaksirkan pengajaran guru Bahasa Melayu telah memberi kesan buruk kepada pencapaian Bahasa Melayu SPM di Sabah. Keputusan pencapaian Bahasa Melayu di Sabah menunjukkan kadar penurunan hampir setiap tahun, iaitu 95.02% pada tahun 2010 dan menurun sepanjang 5 tahun berikutnya kepada 94.01% pada tahun 2015.

Sehubungan itu, kajian ini akan memberi fokus kepada keupayaan guru menggunakan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu. Keupayaan guru menggunakan KOMSAS merujuk kepada KOMSAS sebagai bahan pengajaran yang menjadi medium guru untuk menyampaikan kemahiran bahasa dan berbahasa secara lebih mudah, bermotivasi dan menyeronokkan murid.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti hubungan antara keupayaan guru menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru.
4. Mengenal pasti pengaruh antara keupayaan menggunakan KOMSAS terhadap kompetensi pengajaran guru.

HIPOTESIS KAJIAN

Berikut adalah hipotesis kajian yang dibina dalam kajian ini, iaitu:

- Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru.
- Ho2: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS terhadap kompetensi pengajaran guru.

SOROTAN LITERATUR

KOMSAS menyediakan beberapa konteks yang kaya dengan item leksikal atau sintaksis yang lebih berkesan kepada individu. Ishak (2005), telah menjelaskan bahawa salah satu bahan pengajaran guru adalah yang terdiri daripada bahan pengajaran bukan elektronik. Menurut beliau lagi, sebagai bahan pengajaran, KOMSAS harus dapat membolehkan guru merancang dan membina reka bentuk persembahan pengajaran. Zuraini, Fadzilah dan Norazlina (2013) amat menekankan keperluan naratif atau bercerita dalam pengajaran guru Bahasa Melayu. Hal ini kerana, aktiviti pengajaran dengan bercerita mampu mewujudkan hubungan dan interaksi guru dengan murid. Murid lebih selesa bersoal jawab dengan guru dan melakukan perbincangan.

Walau bagaimanapun, kajian Sri Muniati (2011), mendapati bahawa pengajaran dengan hanya membaca buku ulasan KOMSAS menyebabkan pengajaran Bahasa Melayu lebih dimonopoli oleh guru semata-mata. TroungThi My Van (2009), penglibatan murid dalam sesi pembelajaran dan pemudah cara adalah berdasarkan bahan pengajaran yang digunakan oleh guru dalam bilik darjah. Murat (2005), berdasarkan kajiannya mendapati bahawa dalam meningkatkan kecerdasan verbal atau linguistik murid, guru bahasa menggunakan KOMSAS yang dapat berfungsi mewujudkan pengajaran bermotivasi dan menyeronokkan. Tuntasnya, guru dilihat lebih berkompentensi merancang, melaksana dan mentaksirkan pengajaran Bahasa Melayu yang lebih baik.

Berkenaan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam subjek Bahasa Melayu, menurut Rajendran (2008), aktiviti pengajaran seperti bacaan melalui KOMSAS adalah bahan terbaik untuk meningkatkan KBAT pelajar. Dapatan kajian Ghosn (2002) dan Van (2009), membuktikan bahawa KOMSAS adalah medium terbaik guru untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mengajar kemahiran berfikir kritikal

dalam pengajaran bahasa. Kenyataan ini bertepatan dengan dapatan kajian Soheil Rahimi (2014), bahawa guru lebih berinspirasi bagi membuat keputusan untuk dirinya sendiri serta menetapkan matlamat pembelajaran dan pemudah cara mereka.

Malah, bahan sastera untuk membantu guru lebih yakin memberikan contoh dan perbincangan tentang bahan linguistik. Maka, penguasaan kemahiran guru menggunakan KOMSAS telah mengembangkan kompetensi pengajaran guru menyampaikan pengajaran kemahiran bahasa seperti nahu, tatabahasa, morfologi, sintaksis dan semantik Bahasa Melayu. Maka, tidak hairanlah apabila kajian Cevdet (2012) menunjukkan bahawa 90% guru pelatih dapat menyediakan aktiviti-aktiviti berpusatkan murid dan menyeronokkan. Malah, dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa pengajaran menggunakan bahan sastera dalam subjek bahasa boleh menggalakkan motivasi murid untuk membina kemahiran bahasa dan berbahasa.

Selain itu, berkenaan pentaksiran pengajaran dengan menggunakan KOMSAS, menjadikan penilaian guru terhadap pencapaian pelajar lebih pelbagai dan berinovasi. Bahan drama misalnya, menurut Suzie (2012), telah dapat membantu guru mempelbagaikan bentuk penilaian. Kandungan bahan drama membolehkan guru tidak terikat kepada menyoal semata-mata, tetapi guru boleh melaksanakan penilaian sumatif melalui pendekatan bersepadu. Justeru, keupayaan guru menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran akan dapat menjanjikan tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa sebenar (Khatib *et al.*, 2011). Abdul Rasidet al. (2011), mendapati bahawa KOMSAS membantu guru mencapai objektif pengajaran penulisan karangan dan mencadangkan agar guru mengambil inisiatif dan kreativiti mempelbagaikan bahan pengajaran seperti KOMSAS bagi menarik minat dan menjana idea kreativiti murid.

Jelasnya, KOMSAS adalah bahan pengajaran yang menyokong sepenuhnya kompetensi guru merancang, melaksana dan mentaksirkan pengajaran Bahasa Melayu dalam bilik darjah. Dalam hal ini, pengkaji menitikberatkan penguasaan kemahiran guru terhadap penggunaan KOMSAS sebagai bahan pengajaran subjek Bahasa Melayu. Keupayaan guru tersebut, dapat menjadikan pengajaran dalam bilik darjah lebih

menyeronokkan, bersifat dua hala dan meningkatkan kemahiran berfikir murid.

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian bukan eksperimen dengan kaedah tinjauan. Creswell (2012) menjelaskan bahawa kaedah tinjauan merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental ke atas sampel kajian atau orang dalam populasi tersebut untuk menerangkan sikap, pendapat, tingkah laku dan karakter mereka.

Populasi dan Pensampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada 2636 orang guru Bahasa Melayu daripada 219 buah sekolah dalam 24 PPD di negeri Sabah seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1. Guru Bahasa Melayu dipilih sebagai sampel kajian kerana data yang diperoleh akan membantu pengkaji melihat hubungan dan pengaruh antara keupayaan menggunakan KOMSAS dengan Kompetensi Pengajaran guru Bahasa Melayu di negeri Sabah. Bagi tujuan kajian ini, seramai 335 orang responden diambil sebagai sampel kajian bagi mewakili 2636 orang dalam populasi tersebut. Penentuan saiz sampel kajian ini adalah mengambil kira Jadual Pensampelan Krejcie & Morgan (1970). Pemilihan sampel dilakukan secara teknik rawak mudah bertujuan.

Jadual 1: Taburan populasi dan sampel

Bil.	Bahagian di Negeri Sabah	Bil. Populasi	Bil. Sampel
1	Bahagian Tenggara	594	75
2	Bahagian Sandakan	378	48
3	Bahagian Utara	383	49
4	Bahagian Barat	643	82
5	Bahagian Pedalaman	320	41
6	Bahagian Selatan	318	40
Jumlah		2636	335

Instrumen Kajian

Soal selidik dalam penyelidikan ini digunakan untuk memperoleh data tentang tahap keupayaan menggunakan KOMSAS dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Soal selidik seterusnya akan memperoleh data tentang hubungan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Pengukuran kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini, dilaksanakan dalam kajian rintis dengan mengambil dapatan kajian ke atas 130 orang responden guru Bahasa Melayu.

Bagi instrumen keupayaan menggunakan KOMSAS, mewakili item 1 - 23 dalam bahagian A. Instrumen keupayaan menggunakan KOMSAS, diambil dan diubahsuai daripada soal selidik yang digunakan oleh Mills (2011) bertajuk "*Teaching Assisstants' Self-Efficacy in Teaching Literature: Source, Personal Assessments and Consequences*". Selepas kajian rintis dijalankan ke atas 130 orang responden, nilai alpha Cronbach yang diperoleh bagi item 1 – 23 tersebut juga tinggi iaitu .960.

Jadual 2: Nilai alpha Cronbach bagi instrumen keupayaan menggunakan KOMSAS

Bil.	Keupayaan Menggunakan KOMSAS	Nombor Item	Alpha
1	Keberkesanan dalam Strategi Pengajaran Bahasa	14, 16, 17, 18, 20, 21, 22	.926
2	Keberkesanan dalam Penerapan Kemahiran Berfikir	1, 2, 3, 5, 11, 23	.886
3	Keberkesanan dalam Pengurusan Bilik Darjah	8, 9, 10, 15, 19	.883
4	Keberkesanan dalam Penglibatan Murid	4, 6, 7, 12, 13	.872
Nilai Alpha Keseluruhan			.960

Bagi instrumen tahap kompetensi pengajaran guru pula, secara keseluruhannya akan menilai tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu yang mengandungi 32 item, iaitu mewakili item 24 - 55 dalam Bahagian C. Instrumen kompetensi pengajaran guru, diambil dan diubahsuai daripada soal selidik yang dibangunkan oleh Canbolat (2013) untuk kajian beliau bertajuk "*Investigating ELT Instructors' Perceived Competencies Challenges and Suggestions*".

Selepas kajian rintis dijalankan ke atas 130 orang responden, nilai *alpha Cronbach* yang diperoleh bagi item 24 - 55 adalah .965. 55 item kajian ini juga adalah dalam taburan normal kerana nilai kepencongan dan kurtosis instrumen ini berada dalam lingkungan ± 1.96 . Justeru, instrumen adalah sah, sesuai dan boleh dipercayai

untuk mengukur pemboleh ubah kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Jadual 3: Nilai alpha Cronbach bagi instrumen tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu

Bil.	Keupayaan Menggunakan KOMSAS	Nombor Item	Alpha
1	Perancangan	76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84	.887
2	Pelaksanaan Pengajaran	85, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93	.900
3	Penilaian	94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107	.947
Nilai Alpha Keseluruhan			.965

Penganalisan Data

Data yang diperoleh dianalisis dan diproses menggunakan komputer dengan perisian *Statistic Package For SocialScience* (SPSS) 21.0. Aras signifikan ditetapkan pada 0.05. Statistik yang digunakan adalah berkaitan dengan tujuan menyempurnakan objektif dan hipotesis kajian.

Statistik deskriptif yang digunakan adalah dalam bentuk frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Statistik deskriptif ini digunakan untuk menginterpretasikan data bagi mengukur tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS serta tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu berdasarkan min. Interpretasi sangat rendah menunjukkan tahap keupayaan guru yang sangat rendah, dan begitu juga sebaliknya. Statistik deskriptif ini adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Min skala lima Likert mengikut lima tahap

Nilai Min	Interpretasi
1.00 - 1.80	Sangat Rendah
1.81 - 2.60	Rendah
2.61 - 3.40	Sederhana
3.41 - 4.20	Tinggi
4.21 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Tschannen-Moran, M & Gareis, C.R. (2004)

Pengkaji turut menggunakan statistik Korelasi Pearson dan Regresi Pelbagai untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh antara variabel berskala selang atau nisbah. Pekali

Korelasi Pearson (r) ini ialah nilai pengukuran kekuatan perhubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Ujian Regresi Pelbagai digunakan untuk mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada perubahan dalam pemboleh ubah kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Semasa mengenal pasti nilai R^2 hanya pemboleh ubah peramal kedua dimasukkan ke dalam model regresi pada $p \leq .05$. Sekiranya terdapat hubungan antara pemboleh ubah kajian, keteguhan hubungan tersebut ditentukan dengan menggunakan indeks keteguhan yang dikenali sebagai pekali korelasi (r). Sebagai indeks, pekali korelasi mempunyai nilai antara 1(-1) dan positif 1.

Jadual 5: Jadual kekuatan korelasi berdasarkan saiz pekali korelasi

Saiz Pekali Korelasi	Kekuatan Korelasi
.91 hingga 1.00 atau -.91 hingga -1.00	Sangat Kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.51 hingga .70 atau -.51 hingga -.70	Sederhana
.31 hingga .50 atau -.31 hingga -.50	Lemah
.01 hingga .30 atau -.01 hingga -.30	Sangat Lemah
.00	Tiada Korelasi

Sumber : Chua Yan Piaw(2006)

Jadual 6 menunjukkan secara keseluruhan penganalisan data yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Jadual 6: Jadual penganalisan data

Bil.	Hipotesis	Alat Statistik
1	Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Keupayaan menggunakan KOMSAS dengan Kompetensi Pengajaran guru.	Korelasi Pearson
2	Ho2: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara Keupayaan menggunakan KOMSAS terhadap Kompetensi Pengajaran guru.	Regresi Pelbagai

DAPATAN KAJIAN

Analisis Data Deskriptif

Dapatan data yang dianalisis secara deskriptif akan diinterpretasikan menggunakan jadual min skala lima Likert oleh Tschannen-Moran dan Gareis. (2004).

Apakah tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS?

Hasil kajian secara keseluruhan mendapati bahawa tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS menunjukkan tahap keupayaan yang tinggi. Hal ini kerana, keupayaan guru mempunyai skor min yang tinggi, iaitu min 3.85. Malah, kesemua pemboleh ubah kajian ini menunjukkan nilai $SP < 1.0$ seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

Berdasarkan Jadual 7, secara keseluruhannya, ditunjukkan nilai min bagi setiap dimensi pemboleh ubah tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah tinggi. Bagi pemboleh ubah keupayaan menggunakan KOMSAS, dimensi 'Keberkesanan dalam Strategi Pengajaran' mempunyai tahap lebih tinggi, iaitu (min=3.89, $SP=.550$). Kesemua dimensi pemboleh ubah ini menunjukkan nilai $SP < 1.0$.

Jadual 7: Keputusan skor min bagi pemboleh ubah kajian (N = 337)

Pemboleh Ubah	Item	Min	Sisihan Piawai
Keupayaan menggunakan KOMSAS	• Keberkesanan dalam strategi pengajaran bahasa	3.89	.517
	• Keberkesanan dalam penerapan kemahiran berfikir	3.81	.508
	• Keberkesanan dan pengurusan bilik darjah	3.84	.540
	• Keberkesanan dalam penglibatan murid	3.85	.550

Apakah tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu?

Berdasarkan Jadual 8, secara keseluruhan, tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu adalah pada min yang, iaitu 4.00. Pemboleh ubah kompetensi pengajaran dalam kajian ini menunjukkan nilai $SP < 1.0$.

Jadual 8: Keputusan skor min bagi tahap kompetensi pengajaran (N = 337)

Pemboleh Ubah	Min.	Maks	Min	Sisihan Piawai
Kompetensi Pengajaran	2.31	5	4.00	.470

Berdasarkan Jadual 9, secara keseluruhan, ditunjukkan nilai min bagi setiap dimensi pemboleh ubah kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu adalah tinggi. Bagi dimensi 'Perancangan' mempunyai tahap lebih tinggi iaitu (min=3.58, SP=.655). Begitu juga bagi dimensi 'Pelaksanaan', yang mempunyai tahap min tinggi iaitu (min=3.49, SP=.682). Malah, dimensi 'Penilaian', juga mempunyai tahap min tinggi iaitu (min=3.47, SP=.650). Kesemua pemboleh ubah kajian ini menunjukkan nilai $SP < 1.0$.

Jadual 9: Keputusan skor min bagi dimensi kompetensi pengajaran

Pemboleh Ubah	Subskala Itema	Min	Sisihan Piawai
Kompetensi Pengajaran	Perancangan	3.58	.655
	Pelaksanaan	3.49	.682
	Pentaksiran	3.47	.650

Analisis Statistik Inferensi

Nilai ujian korelasi Pearson adalah pada alfa 0.05, iaitu menolak hipotesis nol jika nilai kebarangkalian adalah kecil atau sama dengan nilai alfa (nilai kebarangkalian \leq alfa). Ujian regresi pelbagai digunakan untuk menjalankan ujian pengaruh antara pemboleh ubah kajian.

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Jadual 10: Keputusan ujian korelasi hubungan keupayaan menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu

Pemboleh Ubah	KOMSAS	Kompetensi Pengajaran
Korelasi Pearson	Nilai	.668**
	Korelasi Sig. (2-tailed)	.000
	N	337
	Kompetensi Pengajaran	.668**
Korelasi Pearson	Nilai	.000
	Korelasi Sig. (2-tailed)	.000
	N	337

Jadual 10 melaporkan terdapat hubungan linear positif yang sederhana antara keupayaan guru menggunakan KOMSAS dengan kompetensi

pengajaran guru Bahasa Melayu di Sabah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($r = .668^{**}$, $p = 0.00 < 0.05$) antara keupayaan menggunakan KOMSAS dengan Kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Hubungan ini adalah hubungan yang sederhana. Oleh yang demikian, H_0 adalah ditolak.

Ho2: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Analisis ini dilakukan bagi meramal sumbangan varians pemboleh ubah peramal keupayaan menggunakan KOMSAS terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu sebagai pemboleh ubah kriteria.

Jadual 11 (a): Model summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Standard Error of Estimate
1	.668 ^a	.446	.445	.34998

Jadual 11 (b): Anova

Model	Sum. of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Regrssion	33.087	1	33.087	270.126	.000 ^b
Residual	41.034	335	.122		
Total	74.121	336			

Jadual 11 (c): Coefficients

Model	Unstandardized Coefficients			t	Sig.
	B	Standard Error	Beta		
KOMSAS (Constant)	1.477	.155		9.536	.000
	.656	.040	.668	16.436	.000

Analisis regresi berganda menunjukkan keupayaan menggunakan KOMSAS menjadi peramal bagi skor kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa korelasi pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar adalah tinggi, iaitu Model 1, $r = .668$.

Secara signifikan, Jadual 11 (b) dan (c) menunjukkan bahawa, skor keupayaan menggunakan KOMSAS [$F(1,335) = 270.126$, $P < .05$] menyumbang sebanyak 44.6% varians ($R^2 =$

.446) dalam skor kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Hal ini menjelaskan bahawa, keupayaan guru menggunakan KOMSAS ($\beta = .668$, $P < .05$), iaitu dengan menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran merupakan petunjuk utama membolehkan guru Bahasa Melayu berkeperluan dalam merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran di bilik darjah dengan lebih efektif dan berkesan.

Jadual 12: Jadual pengajaran pemboleh ubah kajian

Pemboleh Ubah	B	β	Nilai-t	P	R ²	Sumb-angan
KOMSAS	.656	.668	16.436	.000	.446	44.6%
Constant	1.105		7.82	.000		

PERBINCANGAN

Tahap Keupayaan Guru Menggunakan KOMSAS serta Tahap Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS berada pada tahap yang tinggi. Keupayaan guru yang tinggi dalam menggunakan KOMSAS, menunjukkan penguasaan kemahiran guru menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran. Keputusan ini menolak keputusan kajian Radzuan dan Abdul Hamid (2005), bahawa guru masih menghadapi masalah dalam pengajaran puisi dan tidak dapat menguasai kemahiran mengajar walaupun telah menghadiri kursus KOMSAS yang dianjurkan pihak kementerian.

Keupayaan guru menggunakan KOMSAS jelasnya telah membantu guru kepada membina strategi pengajaran yang lebih baik ketika menyediakan pelbagai aktiviti PdPc di bilik darjah. Hal ini dapat menggalakkan pembelajaran aktif kerana pengajaran lebih menyeronokkan dan berpusat murid. Keupayaan guru menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran juga telah membantu guru merancang dan menilai pembelajaran murid kelak. Justeru, keputusan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Mino Alemi dan Roya Pashmforoosh (2013) bahawa penguasaan kemahiran guru menggunakan KOMSAS adalah berada pada tahap tinggi.

Hasil kajian turut memberi perhatian terhadap dimensi keberkesanan keupayaan menggunakan KOMSAS dalam strategi pengajaran, penglibatan murid, pengurusan bilik darjah dan penerapan

kemahiran berfikir. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru sangat berkeupayaan menggunakan KOMSAS untuk keberkesanan dalam membina strategi pengajaran. Strategi pengajaran guru termasuklah aktiviti yang dapat meningkatkan kefahaman murid, memberi pelbagai contoh dan penjelasan serta maklum balas dan menyediakan alternatif strategi pengajaran. Maka, guru lebih berupaya menyediakan sistem pengurusan kelas untuk disesuaikan dengan rancangan dan penilaian pengajarannya.

Sejajar kajian oleh Mino Alemi dan Roya Pashmforoosh (2013) bahawa strategi pengajaran guru dengan bahan KOMSAS berada pada tahap tinggi kerana KOMSAS telah meningkatkan kemahiran dan sikap guru membangunkan strategi pengajaran bahasa guru. Maka, keputusan dapatan kajian ini menyokong sepenuhnya kajian Chew Fong Peng (2010) tentang KOMSAS sebagai bahan pengajaran untuk membangunkan strategi dengan aktiviti PdPc yang sesuai. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini sangat bertentangan dengan dapatan kajian Sri Murniati dan Al-Mustaqeem (2011) bahawa guru masih tidak faham fungsi mereka sebagai pemudah cara dan gagal menggunakan kaedah dan teknik yang betul menggunakan KOMSAS untuk mengajar Bahasa Melayu.

Berkenaan dapatan kajian terhadap tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu di Sabah, secara keseluruhannya pengkaji mendapati bahawa guru sangat berkeperluan dalam pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Jelasnya, guru mempunyai tahap keupayaan dan kemampuan yang tinggi untuk merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran di bilik darjah. Penguasaan kemahiran merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran, telah menunjukkan guru berupaya membina strategi pengajaran, menggalakkan pembelajaran aktif, menyediakan pembelajaran yang menyeronokkan dan menerapkan kemahiran berfikir.

Guru cenderung mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya lebih kreatif, efektif dan menarik minat belajar murid. Selari dengan dapatan kajian Betts dan Frost (2010) bahawa dengan menguasai pengetahuan dan kemahiran, guru dapat menyampaikan isi pelajaran dengan pedagogi pengajaran sesuai, di samping dapat memilih strategi dan teknik penilaian.

Malah, dapatan kajian ini turut menyokong dapatan kajian Shamsudin dan Ghazali (2014), bahawa guru dapat mengaplikasi strategi dan teknik pengajaran yang betul dengan pelbagai aktiviti pembelajaran gaya bahasa untuk semua jenis pembelajaran Bahasa Melayu. Maka, keputusan kajian menunjukkan bahawa guru lebih berupaya mengurus strategi pengajaran dalam menyediakan bahan pengajaran dan pentaksiran, aktiviti pembelajaran menarik dan interaksi berkesan antara guru dan murid.

Hubungan Keupayaan Menggunakan KOMSAS dengan Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Dapatan kajian terhadap hubungan keupayaan guru menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran yang positif menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran menggunakan bahan pengajaran seperti KOMSAS dalam kajian ini menyokong guru ketika merancang, melaksana dan mentaksir PdPc. Penggunaan KOMSAS dengan elemen pelbagai genre dan aspek sastera, telah menyediakan kepada guru medium pelbagai strategi dan aktiviti pembelajaran. Maka, penguasaan kemahiran guru terhadap KOMSAS dapat meningkatkan kompetensi guru merancang kandungan dan isi pelajaran bahasa yang hendak disampaikan. Malah, guru dapat meningkatkan kemahiran melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran yang sesuai. Guru juga berkeupayaan menjadikan Komsas sebagai medium menyampaikan pengajaran kemahiran bahasa dan berbahasa.

Selain itu, penguasaan kemahiran terhadap elemen unsur penceritaan dan asas seni bahasa, turut meningkatkan kompetensi guru menyediakan pengajaran yang menggalakkan penglibatan murid dalam aktiviti permainan bahasa. Jelasnya, guru dengan penguasaan kemahiran terhadap konsep pengajaran menggunakan KOMSAS, akan dapat mempengaruhi strategi pengajarannya supaya mampu merancang dan mengurus pengajaran yang boleh mencapai matlamat pendidikan diharapkan. Selari dapatan kajian Yilmaz (2012) bahawa penguasaan kemahiran guru terhadap penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa mempunyai hubungan dengan kebolehan guru mempelbagaikan teknik dan kaedah penyampaian pengajaran serta mampu merangka dan

menyediakan aktiviti pengajaran perbincangan dan berfokus kepada penglibatan aktif murid.

Pengaruh Keupayaan menggunakan KOMSAS terhadap Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Dapatan kajian berkaitan pengaruh keupayaan menggunakan KOMSAS menyaksikan bahawa, keupayaan guru menggunakan KOMSAS sebagai faktor peramal mempunyai hubungan positif dan sekali gus memberi pengaruh terhadap kompetensi pengajaran. Bagi pengkaji, sumbangan besar keupayaan menggunakan KOMSAS terhadap kompetensi pengajaran Bahasa Melayu adalah kerana, berdasarkan sorotan literatur sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa, KOMSAS adalah bahan pengajaran yang dapat menyampaikan pelbagai ilmu bahasa kepada murid. Maka, keupayaan menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran, lebih diberi perhatian ketika guru merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran.

Oleh sebab itu, penguasaan kemahiran guru terhadap menggunakan KOMSAS lebih memberi pengaruh besar terhadap keupayaan guru menyampaikan pengajaran. Justeru, perhatian guru semasa mengajar kemahiran bahasa dan berbahasa adalah penggunaan bahan pengajaran. Hal ini, supaya guru dapat menggalakkan potensi pencapaian murid dalam kemahiran menulis dan berkomunikasi. Maka, tidak hairanlah keperluan keupayaan menggunakan KOMSAS tersebut, lebih mendorong guru untuk merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran Bahasa Melayu guru dalam bilik darjah. Keupayaan menggunakan bahan pengajaran membolehkan guru melaksanakan pengajaran bahasa serta menilai kecekapan murid.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi dapatan kajian terhadap kajian-kajian lepas mendapati bahawa, terdapat kajian-kajian lepas tersebut yang terpaksa ditolak. Hal ini kerana, berkenaan dapatan kajian terhadap tahap keupayaan guru yang tinggi menggunakan KOMSAS dalam pengajaran, didapati bahawa ada kajian-kajian lepas yang menunjukkan keputusan sebaliknya. Kajian-kajian tersebut, menyatakan bahawa, guru kurang berpengetahuan, berkemahiran dan berkeyakinan untuk menggunakan KOMSAS semasa mengajar bahasa.

Walau bagaimanapun, apa yang berlaku sebenarnya adalah penguasaan kemahiran guru menggunakan KOMSAS dalam pengajaran adalah tinggi, terutamanya, dalam usaha guru membina strategi pengajaran, menggalakkan pembelajaran aktif murid serta penerapan kemahiran berfikir. Oleh demikian, maka tepatlah apabila kajian ini cuba menekankan hubungan antara keupayaan guru menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru.

Keperluan kajian ini adalah supaya guru lebih berusaha dan bersedia bukan sahaja untuk mengetahui bagaimana menyampaikan pengajaran, tetapi juga bagaimana menggunakan KOMSAS tersebut dalam pengajaran Bahasa Melayu. Guru perlu mahir mengintegrasikan elemen KOMSAS dalam pengajaran untuk menyampaikan kemahiran bahasa dan berbahasa. Oleh demikian, kajian-kajian lepas yang hanya melihat hubungan KOMSAS dengan pencapaian murid, sewajarnya dilanjutkan. Kajian harus dilanjutkan dengan menjelaskan lebih mendalam lagi bagaimana KOMSAS dapat digunakan untuk menyampaikan pengajaran penulisan, pemahaman, penciptaan dan penguasaan kemahiran berbahasa.

Seterusnya, kajian akan memberi implikasi kepada dasar pendidikan negara terutama dalam pengajaran Bahasa Melayu. Dalam hal ini, keutamaan guru dalam pengajaran di bilik darjah harus diberi penekanan seiring dengan penekanan kepada pencapaian murid. Hal ini kerana, pencapaian murid adalah bermula dengan pencapaian guru. Guru yang berkompentensi dalam pengajaran, akan melahirkan murid yang berkompentensi dalam pembelajaran. Justeru, adalah tepat apabila dasar dalam anjakan PPPM 2013-2025, sangat menekankan kualiti guru terutama kualiti berkaitan keberkesanan pengajaran yang banyak mempengaruhi kejayaan sekolah.

Kompentensi pengajaran guru adalah penting kepada mematlamatkan peningkatan pencapaian sekolah. Justeru, kajian mengenai keperluan terhadap membangunkan kompentensi pengajaran guru seperti ini adalah penting. Hal ini, bagi membolehkan pihak KPM meletakkan elemen-elemen keperluan tersebut dalam membincangkan dasar pendidikan negara seperti disebutkan dalam anjakan PPPM 2013-2025. Justeru, guru akan dapat diberi panduan yang berterusan dan lebih

berasas kepada meningkatkan keupayaan mereka mengajar di dalam bilik darjah.

Maka, perkara tersebut adalah berkaitan dengan implikasi kajian ini terhadap amalan pengajaran guru Bahasa Melayu yang lebih berkualiti. Guru sewajarnya tidak hanya mengetahui keperluan KOMSAS untuk menyampaikan pelajaran bahasa dan memenuhi sukatan pelajaran semata-mata. Sebaliknya, guru seharusnya lebih mengetahui untuk mengapa dan bagaimana KOMSAS dapat menjadi medium yang menyalurkan lebih banyak maklumat, kandungan kurikulum dan penyediaan aktiviti pengajaran secara lebih terancang. Hal ini, bagi membolehkan guru berupaya mengatasi beberapa hal terutama berkaitan masalah untuk mendorong penglibatan aktif murid, pengajaran berpusatkan murid, penerapan kemahiran berfikir dan penjimatan masa pengajaran.

Keupayaan menggunakan KOMSAS akan memberi pengaruh besar terhadap kompentensi kemahiran guru dalam memastikan proses PdPc Bahasa Melayu di bilik darjah benar-benar efektif. Pengaruh keupayaan guru menggunakan KOMSAS terhadap kompentensi kemahiran mengajar guru ini, memberi makna bahawa guru telah berkompentensi dalam merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran Bahasa Melayu tersebut. Justeru, guru lebih berupaya dalam menetapkan matlamat pengajaran Bahasa Melayu, melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan memastikan murid terlibat aktif dalam pengajaran. Guru juga berjaya membangunkan pola interaksi berkesan antara guru dan murid serta meningkatkan daya fikir kreatif dan kritis murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Secara keseluruhan, dapatan kajian terhadap keupayaan menggunakan KOMSAS, telah memberi implikasi terhadap aspek keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah. Keberkesanan tersebut adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran PdPc Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Berdasarkan kajian ini, jelas bahawa apabila guru menguasai pengajaran menggunakan KOMSAS, guru lebih bersedia dan yakin, dalam merancang, melaksana dan menilai pengajarannya di bilik darjah. Maka keputusan kajian ini, menyokong kajian sebelum ini bahawa penguasaan kemahiran guru terhadap penggunaan KOMSAS, membawa kepada PdPc bahasa yang

sebenar. Hal ini kerana, guru berupaya membangun strategi kepada merancang dan mengurus pengajaran bahasa yang lebih baik, membina keupayaan berbahasa murid serta menggalakkan interaksi guru dan murid.

Justeru, jika ingin memastikan kompetensi mereka dalam pengajaran Bahasa Melayu terus meningkat, guru harus lebih menguasai kandungan, strategi, prinsip dan elemen KOMSAS sebagai menjadikan strategi pengajaran guru yang lebih berinovasi, kreatif dan berpusatkan murid. Hasilnya, guru akan dapat memastikan hasil pengajarannya sesuai memenuhi matlamat perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran PdPc Bahasa Melayu dalam bilik darjah.

KESIMPULAN

Ringkasnya, kajian adalah melihat impak keupayaan guru Bahasa Melayu menggunakan KOMSAS terhadap kompetensi pengajaran guru di bilik darjah. Keupayaan guru menggunakan KOMSAS diberi perhatian kerana kelebihan dan kepentingan KOMSAS tersebut sebagai bahan dalam pengajaran, terutamanya ketika membina strategi pengajaran bagi memastikan pengajaran guru lebih berpusat murid, mampu memberi motivasi dan menerapkan kemahiran berfikir. Keputusan kajian menunjukkan hasil yang diharapkan, bahawa terdapat hubungan signifikan antara keupayaan guru menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. 2010. *Permasalahan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid Cina*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman & Norzila Md. Yusof. 2011. Keberkesanan cerpen dalam mempertingkatkan prestasi penulisan karangan dalam kalangan murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2) Nov: 45-57.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Humaizah Hashim. 2012. Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1) Mei: 129-140.
- Abdul Rasid Jamian. 2016. Pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid bukan Melayu. 445-465
<http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/02/1-Pengajaran-dan-Pembelajaran-Bahasa-Melayu.pdf> (21 Julai 2017)
- Agustin, R.T. 2012. Literature in the foreign language syllabus: Engaging the student through active learning literature in the foreign language, 9-16.
[file:///C:/Users/Acer/Downloads/DialnetLiteratureInTheForeignLanguageSyllabus4025413%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/Acer/Downloads/DialnetLiteratureInTheForeignLanguageSyllabus4025413%20(1).pdf) (21 Julai 2017)
- Betts, P. & Frost, L. 2010. subject knowledge and teacher preparation. *Education Canada*, 40 (1): 38-39.
- Canbolat, N. 2013. *Investigating ELT instructors' perceived competencies: Challenges and suggestions*. Turkey: MIDDLE East Technical University.
- Cevdet, Y. 2012. Introducing literature to an efl classroom: Teachers instructional methods and students' attitudes toward the study of literature. *Canadian Center of Science and Education*, 5 (1): 86-99.
- Chew Fong Peng. 2010. Penerapan nilai-nilai murni menerusi KOMSAS dalam sistem pendidikan Malaysia. *Sosiohumanika*, 3 (1): 123-142.
- Creswell, J.W. 2012. *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. 4th Edition. Boston: Pearson Education.
- Ghosn, I. K. 2002. Four good reasons to use literature in the primary school ELT. *English Language Teaching Journal*, 56: 172-179.
- Hassan Baseri. 2012. Memantapkan pengajaran Bahasa Melayu. *Pelita Bahasa*, April, 3: 179.
- Ishak Ramly. 2005. *Inilah kurikulum sekolah*. Gombak: PTS Profesional.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Instrumen penilaian kompetensi kumpulan pengajaran dan pembelajaran (Guru akademik)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Muridan Malaysia. 2013. *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-*

2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khatib, M., Rezaei, S. & Derakhshan, A. 2011. Literature in EFL/ESL classroom. *English Language Teaching*, 4: 201-208.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Mills, N.A. 2011. Teachers' self-efficacy beliefs questionnaire: Literature, sources, personal assessments, and consequences. *The Modern Language Journal*, 95: 61-80.
- MinooAlemi dan Roya Pashmforoosh. 2013. *EFL teachers' self beliefs in teaching literature*. The International Journal of Literaries: Common Ground Publishing.
- Muliana Tanah. 2011. Pendekatan pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah di zon Lahad Datu. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Murat, H. 2005. Teaching English through literature. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 1 (1): 53-66.
- N.S. Rajendran. 2008. *Teaching and acquiring higher-order thinking skill: Theory and practice*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Radzuan, Abdul Rahman & Abdul Hamid. 2005. Masalah pengajaran genre puisi komponen wajib kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu tingkatan empat. Sekudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaaysia.
- Rozita Radhiah & Abdul Rashid Jamian. 2012. Amalan pengajaran karangan guru cemerlang dalam bilik darjah: Kajian kes pelbagai lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 27: 51-68.
- Shamsudin Othman & Ghazali Lateh. 2014. Penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1) Mei: 59-64.
- Soheil Rahimi. 2014. The use of literature in EFL classess. *Journal of Academic and Applied Studies*, 4 (6) Jun: 1-12.
- Sri Murniati & Al-Mustaqeem. 2011. Reformasi pendidikan II: Meninjau peranan komponen kesusasteraan Melayu dalam pembangunan pemikiran murid. Selangor: Institut Kajian Dasar. .
- Suzie, C.B. 2012. *Teaching primary English through drama: A practical and creative approach*. 2nd Edition. London & New York: Routledge.
- Tengku Fairus Tengku Hassan. 2015. Tahap kemahiran guru bahasa Melayu dalam menerapkan amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Truong Thi My Van. 2009. The relevance of literary analysis to teaching literature in the EFL classroom. *English Teaching Forum*, 3: 2-9.
- Tschannen-Moran, M & Gareis, C.R. 2004. Principles's sense of efficacy: Assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration*. 42 (5): 573-585.
- Van, T.M.T. 2009. The relevance of literary analysis to teaching literature in the EFL classroom. *English Teaching Forum*, 47 (3): 2-9.
- Yilmaz, C. 2012. Introducing literature to an EFL classroom: Teachers's instructional methods and students' attitudes toward the study of literature. *Canadian Center of Science and Education*, 5 (1): 86-99.
- Zamri Mahamod & Magdeline anak Nor. 2012. Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12 (2): 593-608.
- Zuraini Jusoh, Fadzilah Abd Rahman, Norazlina Mohd Kiram & Samsilah Roslan. 2013. Kajian kes aplikasi naratif dalam mata pelajaran bahasa Melayu sekolah menengah. *Journal of Human Capital Development*, 6 (1): 87-100.